



قلست بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 31 BILANGAN 37

RABU 10 SEPTEMBER, 1986.

رابو 5 محرم 1407

PERCUMA

إِنَّا لِلّٰهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

PADUKA SERI BEGAWAN MANGKAT

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jenazah Almarhum Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien Ibni Almarhum Sultan Mohammad Jamalul Alam, Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam telah selamat dimakamkan di Kubah Makam Diraja di sini petang Isnin lepas.

MANISNYA IMAN

"ORANG-ORANG yang beriman dan beramal saleh, akan Kami masukkan mereka ke dalam syurga yang mengalir air sungai di bawahnya, sedang mereka kekal di dalamnya selamanya. Bagi mereka itu ada isteri yang suci dan Kami masukkan mereka ke dalamnya yang diinginkan." — Makna ayat 57 Surah Al-Nur.

Kemangkatan Almarhum merupakan satu kehilangan besar bagi Negara Brunei Darussalam, kerana Almarhum merupakan seorang negarawan unggul yang berjiwa rakyat yang sentiasa memikirkan dan merancang untuk kemakmuran dan kebahagiaan rakyat, sehingga Almarhum lebih dikenali sebagai "Arkitek Brunei Modern."

Sebelum istiadat permakaman, Istana Nurul Iman telah dibuka kepada orang ramai dari jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang untuk memberikan penghormatan terakhir kepada Almarhum Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Beberapa orang pemimpin dari negara jiran dan perwakilan-perwakilan asing di negara ini adalah di antara ri-

buan orang yang berziarah ke Istana Nurul Iman untuk memberikan penghormatan terakhir. Di samping memberi penghormatan, sebahagian dari orang Islam juga telah bersembahyang jenazah.

Di antara pemimpin-pemimpin negara asing yang ziarah ke Istana Nurul Iman itu ialah Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tuan Wee Kim Wee dan rombongan yang termasuk juga anak lelaki Tuan Lee Kuan Yew, Brigadier Jeneral Lee Hsian Loong, Pemangku Menteri Perdagangan dan Industri; Pemangku Raja Johor, Tengku Ibrahim Ismail ibni Sultan Iskandar Al-Haj dan rombongan, Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Haji Amar Taib Mahmud yang diiringi oleh Datuk Haji Ahmad Urai, diikuti oleh Per-



ALMARHUM Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam.

PETIKAN TITAH

“Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, salah satu cabaran yang besar yang dihadapi oleh kita ialah pada mengadakan tenaga manusia yang dikehendaki oleh negara ini baik di peringkat profesional mahupun separuh profesional yang mana kekurangan tersebut pada masa ini sedang diatasi, sebagai langkah sementara dengan mendatangkan tenaga-tenaga mahir dan separuh mahir dari luar negeri, yang mana keadaan ini tidaklah dapat dielakkan demi beberapa rancangan pembangunan negara.”

Ditahukan semasa Majlis Kesyukuran yang disempakan oleh Persatuan Penuntut-Penuntut Brunei di United Kingdom pada 6 September 1983 sempena Hari Keputeraan Baginda ke-37 tahun

PENGUMUMAN KEMANGKATAN

PADA menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa Baginda dengan amat dukacita memaklumkan kepada seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam serta sekalian jajahan takluk rantau dan pesisirnya bahawa dengan takdir Allah Subhanahu Wataala Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,

Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam, ayahanda kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah mangkat pada malam Isnin 3 Muharram tahun Hijrah 1407 bersamaan dengan 7 September 1986 jam 8.45 malam. Maka oleh yang demikian seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam hendaklah mengibarkan bendera setengah tiang dan berkabung selama 40 hari mulai daripada pengumuman ini. Demikian dengan amat dukacita diumumkan.

PENGUMUMAN ini disabdakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar Pengiran Anak Haji Mohd. Yusof, Yang Dipertua Adat Istiadat pada hari Isnin 8 September 1986.



Pelita Brunei

10 SEPTEMBER, 1986

*Dengan nama Allah yang Maha
Pemurah dan Maha Penyayang*

KASIH SAYANG HINGGA KE AKHIR HAYAT: AL-FATIAH

MALAM Isnin, 7 September 1986, jalan raya di ibu negara tiba-tiba lengang. Kemudian suasana di seluruh takluk rantau dan pesisir negara ini diliputi kesedihan. Kedukaan meniti di setiap ruang.

Al-Fatihah.

Sesungguhnya kita kepunyaan Allah dan kepada-Nya kita akan kembali.

Kemangkatan Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan dirasakan suatu kehilangan oleh setiap rakyat dan penduduk negara kita.

Masyarakat antarabangsa juga merasakan kehilangan ini.

Kehilangan yang begitu berharga. Kehilangan suatu yang bernilai. Kehilangan yang tiada tolak bandingnya.

Sesungguhnya hingga ke akhir hayatnya, Almarhum tetap dan kekal disayangi serta dikasihi oleh seluruh rakyat dan penduduk negara kita.

Almarhum juga digalati serta dihormati oleh pemimpin-pemimpin dunia terutama pemimpin-pemimpin negara sahabat seperti ASEAN dan lain-lain lagi.

Almarhum Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien ialah putera kepada Almarhum Sultan

Muhammad Jamalul Alam.

Almarhum diputerakan di Istana Kota, Kampong Sultan Lama pada hari Selasa 23 September, 1914.

Almarhum menaiki takhta Kerajaan dalam bulan Jun, 1950 menggantikan Paduka kekadannya, Sultan Ahmad Tajuddin.

Pada 31 Mei, 1951 Almarhum telah dipuspan dalam satu istiadat penuh dengan kebesaran Diraja sebagai Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-28.

Banyak kejayaan dan kemajuan telah dicapai oleh negara kita sepanjang 17 tahun di bawah pemerintahan Almarhum di samping mewujudkan keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara kita.

Perlembagaan Bertulis yang pertama diperkenalkan di negara ini wujud pada hari Rabu 29 September, 1959.

Ugama Islam dan Bahasa Melayu diangkat kedudukannya sebagai ugama rasmi dan bahasa rasmi negara.

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ditubuhkan pada tahun 1961, yang pada awal penubuhannya dipanggil sebagai Pasukan Askar Melayu Brunei.

Almarhum juga digelar sebagai 'Arkitek Brunei Modern' memandangkan kepekaan kemajuan yang dicapai oleh negara ini sewaktu di bawah pemerintahan Baginda.

Dalam bidang sastera, Almarhum adalah sasterawan Diraja terkenal dengan kegemaran mencipta syair yang bernilai tinggi seperti Syair Rajang, Syair Nasihat, Syair Perlembagaan dan Rampaian Laila Syair.

Dalam syair-syair ini Almarhum telah dapat menganalisa secara bernas tentang falsafah kehidupan, kemasyarakatan dan lain-lain lagi.

Sejarah kita tentu mencatat tentang semua kegemilangan-kegemilangan ini. Mercu jaya dan nikmat bahagia yang dirasa oleh rakyat dan penduduk negara kita.

Bagaimanapun beratnya hati kita untuk menerima berita kemangkatan ini, hakikatnya kita tetap berduka dan bersedih.

Kita mendoakan semoga Allah mencurahkan rahmat ke atas roh Almarhum sebagai orang-orang yang salih dan taqwa.

Al-Fatihah.

Sesungguhnya kita kepunyaan Allah, dan kepada-Nya kita akan kembali.

MENABUR JASA DAN BAKTI KE ARAH KEMAKMURAN NEGARA

Oleh: Mohd. Salleh Abdul Latif

RAKYAT dan penduduk negara ini menyayangi Almarhum, Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam yang telah mangkat pada hari Isnin, 7 September 1986 jam 8.45 malam.

Seluruh rakyat dan penduduk menangi kemangkatan-nya. Kita seakan kehilangan suatu yang agung, yang sukar dicari ganti.

Almarhum diputerakan pada 23 September 1914 di Istana Kota, Kampong Sultan Lama. Menaiki takhta Kerajaan pada bulan Jun, 1950. Manakala perpuspaannya sebagai Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-28 disempurnakan pada 31 Mei, 1951.

WAKTU KECIL

Sewaktu kecil Almarhum gemar bermain permainan-permainan Brunei Asli antaranya main kuit, main gasing, main sepak raga dan pancak silat.

Mengenai dengan pancak silat, Almarhum mahir dalam



DI BIDANG sukan Almarhum tidak pernah ketinggalan. Gambar atas merakamkan ketika Almarhum menyertai perlombongan tarik kalat yang berlangsung di Padang Besar (Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin).

pancak silat yang bernama 'Silat Pukulan Ince Kana' yang dipelajari dari Pengiran Damit Simpul bin Pengiran Mahmud. Di samping suka bermain dengan senjata-senjata besi.

WAKTU REMAJA

Waktu meningkat remaja pula gemar bermain catur, berburu, memandu 'motosangkut laju' dan 'racing hull' bertukang kayu, main bola sepak, main 'squash' dan main badminton.

Di samping menggumpul pistol, keris dan tongkat. Berzikir dan melawat ke rumah-rumah secara mengejut ketika hari raya dan melawat daerah pedalaman.

Semuanya ini bagi menimba pengetahuan di samping menebalkan lagi sikap pemeduliannya terhadap rakyat dan penduduk negara ini.

KAWAN SEPERMAINAN

Almarhum sungguh berjiwa rakyat. Sewaktu kecil banyak mempunyai kawan-kawan sepermainan.

Antara kawan-kawan di masa kecil ialah Awang Haji Omar (Marbut Masjid Omar Ali Saifuddin), Pengiran Haji Md. Yassin bin Pengiran Haji Othman, Pengiran Ahmad bin Pengiran Pemanca Anak Haji Mohd. Yassin (Pengiran Maharaja Anakda), Pengiran Kula (anak saudara kepada Pengiran Kuntat), Pengiran Mudim bin Pengiran Panji, Pengiran Wahid bin Pengiran Haji Ra-

KITA kehilangan suatu yang agung, yang sukar dicari ganti.

jid, Pengiran Omar Ali bin Pengiran Omar dan Pengiran Haji Metussin bin Pengiran Piut, (sekarang Yang Amat Mulia Pengiran Ratna Wangsa Pengiran Haji Metussin).

Ada di kalangan kawan-kawan ini telah menyandang beberapa gelaran.

MASA LAPANG

Almarhum sentiasa mengisi masa-masa yang terluang dengan suatu yang mendatangkan faedah.

Suka menebas, menyangkul dan bertanam-tanaman. Ada ketikanya pergi ke Pantai Muara untuk memukat, menjala dan mereka yang menemani di waktu remaja itu ialah Pengiran Haji Abdul Rahim, Pengiran Manggong, Pengiran Haji Abdul Kadir dan Pengiran Haji Sulaiman.

Pengalaman-pengalaman ini telah menjadikannya seorang manusia yang berwibawa dan panjang pemikiran.

DIDIKAN UGAMA

Almarhum menerima pendidikan agama sejak kecil lagi. Mengaji kitab suci Al-Quran selama 10 tahun dan khatam 40 kali.

Guru-guru Almarhum antaranya ialah Pengiran Balu Raja, Dayang Chuchu binti Haji Nasar, Pengiran Haji Abdul Rahim, Pengiran Pemanca Anak Haji Mohd. Yassin, Pehin Dato Seri Maharaja Haji Mohd. Pehin Dato Imam Haji Mokti, Pehin Tuan Imam Haji Abdul Jalil dan lain-lain lagi.

Lihat muka 3



SEMASA memerintah negara ini, Almarhum sering dikunjungi oleh pembesar-pembesar luar negeri. Gambar atas memperlihatkan Almarhum ketika berbual mesra dengan salah seorang pemimpin.



ALMARHUM merupakan penggemar dalam acara sukan tradisi perlumbaan perahu dan motosangkut. Setiap perlumbaan yang diadakan di Sungai Brunei, Almarhum tidak pernah ketinggalan menyaksikan. Gambar merakamkan Almarhum ketika hendak menyertai acara tersebut.

KASIH SAYANG TIDAK TERHINGGA

Dari muka 2

BELAJAR BAHASA INGGERIS

Almarhum mempelajari Bahasa Inggeris ketika menuntut di Kolej Melayu Kuala Kangsar iaitu sebuah maktab yang terkenal sebelum perang dunia kedua.

Ini terjadi pada tahun 1932, dan guru Inggerisnya bernama Awng H.F. Stalley.

Laporan Tahunan Brunei, 1952 ada menyebutkan, Pada penghujung tahun Awang H.F. Stalley, seorang penduduk lama Bandar Brunei, telah ditugaskan sebagai Jurutera Perunding Setempat selama kontrak setahun, dengan rujukan khas untuk mereka sistem saluran naps bagi Bandar Brunei, Seria dan Kuala Belait."

LULUS DARJAH IV

Almarhum lulus Darjah IV di Kolej Melayu Kuala Kangsar pada tahun 1936.

Mengenai dengan pendidikan di Kolej Melayu Kuala Kangsar ini, Laporan Tahunan Brunei, 1932 mencatatkan:

"Pada bulan Februari putera-putera kepada Duli Pengiran Bendahara dan Duli Pengiran Pemanca, dua

orang Wazir Negara telah di terima masuk ke Kolej Melayu Kangsar."

Laporan tahunan itu mencatatkan tentang 'kebiasaan mengenai diri Pengiran Muda telah diterima masuk ke kolej tersebut dalam bulan Julai.

Pengiran Muda yang dimaksudkan dalam laporan tahunan ini ialah Almarhum sendiri dikenali sebagai Duli Pengiran Muda Tengah.

KAWAN DI KOLEJ

Syed Zain Al-Hadi (anak angkat kepada Datu Ahmad, Menteri Besar Pahang suatu waktu dahulu), Tengku Shahrudin bin Tengku Yatim, Tengku Othman bin Tengku Mambang, Tengku Munawir bin Tengku Abdul Rahman adalah kawan-kawan Almarhum sewaktu belajar di Kolej Melayu Kuala Kangsar.

Kawan-kawan yang lain ialah Tengku Jaafar bin Tengku Abdul Rahman, Shaukit bin Hashim, Tengku Maksin, Hamzah Abu Samah, Abdul Ghani Abu Samah, Megat Shamsuddin dan Abdul Wahab bin Datu Setia.

BALIK KE BRUNEI

Almarhum berangkat pulang ke Brunei pada tahun



1936. Bertugas sebagai Kadet di Pejabat Hutan.

Hujung tahun itu Almarhum di tukar bertugas ke Jabatan Mahkamah sehingga tahun 1938.

Di waktu inilah undang-undang jenayah dan civil dipelajari. Penolong British Residen Belait Awang H. Huges-Hallet telah mengajar Almarhum selama satu jam setiap hari.

BERKAHWIN

Almarhum mendirikan rumah tangga pada hari Sabtu 6 September 1941.

Mempelai perempuan yang beruntung itu ialah Almarhumah Duli Yang

Teramat Mulia Paduka Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit ibni Al-Marhum Duli Pengiran Bendahara Anak Abdul Rahman.

Perkahwinan Diraja itu dilangsungkan dengan penuh adat istiadat termasuk adat 'bertunggu tunang'.

Tiga bulan sepuluh hari selepas perkahwinan Almarhum, tentara Jepun mendarat di Kuala Belait. Tanggal itu adalah 16 Disember 1941.

KESIMPULAN

Kehidupan Almarhum dari kecil hingga berumah tangga adalah sebuah kehidupan yang bahagia, harmoni dan sejahtera. Suatu kehidupan yang telah membawa tuah serta rahmat kepada seluruh rakyat dan penduduk negara ini.

ALMARHUM bergambar ramai dengan Putera-Puteri dalam tahun enam puluhan.



ALMARHUM bersama Almarhumah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit ketika berangkat dalam satu majlis rasmi negara.



ALMARHUM ketika bertitah di satu majlis negara bagi mengalu-alukan kunjungan Ketua Turus Pertahanan British Hending Earl Mountbatten dalam bulan Februari 1963.



ALMARHUM ketika mengurniakan cenderamata kepada Pengarah Pergerakan Tentera-Tentera di Borneo.

ALMARHUM mengaji kitab suci Al-Quran selama 10 tahun dan khatam 40 kali.



ALMARHUM bersemayam di atas Singgahsana di samping Almarhumah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit ketika menjalani perpuspaan sebagai Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-28 pada 31 Mei 1951

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-345

RIBA dalam Islam adalah suatu dosa besar. Orang yang mengamalkan riba, akan diperangi oleh Allah Taala sebagaimana dalam Al-Quran iaitu jika ia tiada bertaubat dan berhenti dari amalan riba, dan sesiapa yang diperangi oleh Allah nescaya ia akan binasa. Amalan riba adalah suatu pertanda akan mati dalam Suul-Khatimah sebagaimana yang tersebut dalam Az-Zawajir dan Wasaailur Rahmati Fima Yutlabu Liman Mata. Jika bank-bank itu semata-mata menjalankan kerja-kerja riba, maka wang yang diambil oleh pekerja bank itu ialah wang riba, dan jika bank itu menjalankan riba dan menjalankan perniagaan bukan riba seperti melaburkan wang bukan riba dalam perniagaan rumah, tanah atau kebun, maka wang yang diambil oleh pekerja-pekerja bank adalah

wang subahat yang bercampur dengan wang riba. Firman Allah Taala yang tafsirnya:

"Mereka yang memakan harta riba, mereka tiada bangun dari kubur mereka melainkan bangkit seperti mereka yang gila dirasuk oleh syaitan, sebab mereka berkata: 'Jual beli itu seperti riba,' sedangkan Allah Taala berfirman yang bermaksud: 'Aku halalkan jual beli dan haramkan riba, maka barangsiapa telah datang kepadanya nasihat yang hebat daripada Allah kemudian ia taat menerimanya, dan dia berhenti dari makan riba, maka apa-apa yang telah lalu dari perbuatan riba itu, dan perkara yang berkaitan dengannya terpelung kepada Allah, tetapi barangsiapa kembali semula menjalankan riba, maka mereka ini ialah orang-orang yang akan menjadi penduduk neraka dan kekal di dalamnya selamanya.'"

Firman Allah tafsirnya: "Allah Taala akan membinasakan harta riba dan tiada berkat padanya dan Allah Taala memberkati harta sedekah dan beri tam-

bahan-tambahan padanya dan mewah padanya."

Firman Allah Taala tafsirnya: "Hai mereka yang beriman, hendaklah kamu takutkan Allah dan tinggalkan harta riba dan janganlah kamu tuntutan dan ambil setelah kamu mendengar amaran Allah Taala itu kiranya kamu benar-benar beriman dan takutkan Allah Taala." Surah Al-Baqarah ayat 275, 276 dan 278.

Banyak hadis-hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melarang dari makan riba. Daripada Sahabat Abu Hurairah radhiallahu anhu daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda eritnya: "Jauhilah oleh kamu akan tujuh perkara yang menjahankan kamu," sahabat-sahabat berkata: "Apa itu ya Rasulullah?" Sabdanya: "Menyekutukan Allah Taala dengan makhluk, membuat sihir, membunuh orang yang telah Allah larang dan haramkan melainkan dengan kebenaran syarak (seperti bunuh balas bunuh dan orang murtad), makan riba, makan harta anak yatim, lari ketika

RIBA

menghadapi musuh Islam dalam pertempuran, dan menuduh perempuan mukminah yang suci dari kejahatan dengan berzina." Hadis ini diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari dan Muslim.

Tunggulah akibat celaka, jika dibuat satu dari tujuh perkara itu. Daripada Sahabat Ibnu Mas'ud radhiallahu anhu telah berkata: "Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah melaknat akan: Orang makan riba, wakil orang makan riba, dua saksi riba dan penulis riba."

Orang yang dilaknat Allah akan merana hidupnya.

Hadis ini diriwayatkan oleh Al-Imam Muslim dan At-Termizi dan ulama-ulama hadis.

Dengan ayat Al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah dan kata-kata ulama cukuplah sebagai amaran kepada orang-orang yang mengamalkan riba. Mereka akan mati dalam Suul-

Khatimah. Dan harta mereka yang dikumpul dari riba itu akan binasa dan jahanam sebagai amaran Allah Taala itu dan mereka adalah orang fasik, dan mereka akan diperangi Allah dan Rasul-Nya, maka barangsiapa diperangi ia tetap akan binasa.

Firman Allah Taala dalam Surah Al-Baqarah ayat 278 dan 279 yang tafsirnya: "Hai mereka yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah, dan tinggalkan saki-baki riba yang kamu jalankan itu, jika kiranya benar-benar kamu orang-orang yang beriman, maka kiranya kamu tiada meninggalkan dari mengerjakan riba dan bunga dan interest itu, maka ketahuilah oleh kamu bahawa Allah Taala dan Rasul-Nya Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam akan mengisytiharkan peperangan ke atas kamu yang menjalankan riba itu." Inilah amaran yang keras kepada orang-orang yang menjalankan riba, bunga dan interest itu. Dan



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji (tampal) Omar Abd. Aziz, Mufti Kerajaan.

manakala ayat Al-Quran turun, maka orang-orang yang makan riba itu berkata: "Tiadalah kita berdaya memerangi Allah Taala."

Diketahui dalam Islam bahawa permasysuran Allah Taala akan peperangan dalam dua perkara: Pertama ialah makan riba dan bunga. Kedua pula ialah menyakiti wali-wali Allah yang berdamping kepada Allah Taala dan memusuhi orang-orang yang sentiasa menjalankan hak-hak Allah Taala dan hak-hak manusia terhadap-Nya.

Kata ulama yang eritnya: Maksiat itu lorong menuju dalam kufur.

WALLAHUAKLAM

Mohd. Nazary dan Datin Juliah johan membaca Al-Quran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Mohd. Nazary bin Abdullah dan Datin Juliah binti Abdullah telah muncul sebagai johan dalam pertandingan membaca Al-Quran dan menghafaz ayat-ayat lazim bagi saudara-saudara baru di Daerah Brunei dan Muara.

Pertandingan anjuran Jabatan Hal Ehwal Ugama itu telah disertai oleh 11 orang peserta dan diadakan di Dewan Sekolah Ugama (Arab) Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit di Batu 1½ Jalan Tutong pada 24 Ogos yang lalu.

Tempat kedua dalam pertandingan membaca Al-Quran lelaki telah disandang oleh Awang Mohd. Sharif bin Abdullah.

Manakala bahagian menghafaz ayat-ayat lazim

bagian laki-laki telah juga dijuarai oleh Awang Mohd. Nazary bin Abdullah, tempat kedua Awang Mohd. Sidek bin Abdullah dan ketiga Awang Mohd. Rozey bin Abdullah.

Bahagian perempuan pula johan disandang oleh Dayang Norasrina binti Abdul Rahman, kedua Dayang Ardina binti Haji Othman dan ketiga Dayang Noraini binti Abdullah.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Awang Haji Besar bin Haji Abu Bakar, Pemangku Ketua Pegawai Perkembangan Ugama (Dakwah dan Tabligh), Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Johan-johan dalam pertandingan tersebut akan mewakili daerah ini ke peringkat kebangsaan yang akan

diadakan pada 13 September ini di Pusat Dakwah Islamiah, Kampong Pulaie.



AWANG Mohd. Nazary bin Abdullah johan membaca Al-Quran dan menghafaz ayat-ayat lazim bagi saudara-saudara baru menerima hadiah yang disampaikan oleh Awang Haji Besar bin Abu Bakar, Pemangku Ketua Pegawai Perkembangan Ugama (Dakwah dan Tabligh). — Gambar oleh Matzin Menudin, JHEU.

DATIN Juliah binti Abdullah juara membaca Al-Quran bagi saudara-saudara baru peringkat Daerah Brunei-Muara (gambar kiri). — Gambar oleh Matzin Menudin, JHEU.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 10 September, 1986 hingga ke hari Selasa 16 September, 1986 adalah seperti di bawah ini: —

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
September												
10	12.20	3.18	3.19	6.22	6.23	7.31	7.32	5.02	4.48	5.03	6.12	6.13
11	12.19	3.18	3.19	6.21	6.22	7.30	7.31	5.02	4.48	5.03	6.11	6.12
12	12.19	3.18	3.19	6.21	6.22	7.30	7.31	5.02	4.48	5.03	6.11	6.12
13	12.19	3.18	3.19	6.20	6.21	7.29	7.30	5.02	4.48	5.03	6.11	6.12
14	12.18	3.19	3.20	6.20	6.21	7.29	7.30	5.02	4.48	5.03	6.11	6.12
15	12.18	3.19	3.20	6.19	6.20	7.28	7.29	5.02	4.48	5.03	6.11	6.12
16	12.18	3.19	3.20	6.19	6.20	7.28	7.29	5.01	4.47	5.02	6.10	6.11

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

MUIB sumbang derma \$7,800

TUTONG. — Majlis Ugama Islam Negara Brunei Darussalam (MUIB) baru-baru ini telah menyumbangkan derma kewangan berjumlah \$7,800 kepada dua orang penduduk di Daerah Tutong.

Dayang Aisah binti Sulaiman dari Kampong Sarambangun telah menerima bantuan sejumlah \$5,000. Sementara Awang Haji Paya bin Ahmad menerima \$2,800.

Upacara penyerahan derma tersebut telah dilangsungkan di Pejabat Daerah Tutong di sini pada 23 Ogos yang lalu. Kadi Daerah Tutong, Awang Haji Adam bin Haji Ahmad

telah menyempurnakan penyampaian derma-derma tersebut bagi pihak MUIB.

Di samping itu Awang Paya juga telah menerima derma penduduk-penduduk Kampong Penanjong yang telah di sampaikan oleh Imam Masjid Kampong Penanjong.

Sementara itu, Tabung Anak-Anak Yatim di Daerah Belait telah menerima derma sejumlah \$250 yang disumbangkan oleh Awang Dawi bin Ali.

Derma tersebut telah diserahkan oleh Awang Dawi kepada Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Puasa bin OKSP Tudin.



"Orang-orang beriman itu tidak dipatuk oleh binatang-binatang bisa dalam satu lubang dua kali."

MALU MENURUT PANDANGAN ISLAM

MALU ialah perasaan yang mendasak seseorang supaya menghindari segala yang keji dan melaksanakan segala yang terpuji. Sumbernya adalah dari hati atau jiwa yang sadar nilai diri yang percaya kepada kuasa Allah atas setiap gerak-geri, yang menyebabkan perpeliharaan lahir dan batin dari perbuatan dan unsur-unsur yang membawa kepada kemuliaan Allah.

Malu seperti inilah dikatakan malu kepada Allah. Orang yang malu kepada Allah bersifat takwa, di mana saja dia berada. Tetapi orang yang malu kepada manusia, adalah kerana manusia. Hilang malunya kalau tidak ada manusia. Adakalanya pula ia tidak malu lagi kepada manusia dengan kelakuannya yang durjana atau yang menjijik mata apabila dipandang manusia di sekitarnya.

Rasulullah Sallallahu Alaihi

Wasallam bersabda yang bererti: "Apabila engkau tidak malu maka kerjakanlah apa yang engkau kehendaki."

Hadis ini walaupun ringkas tetapi tepat. Cukup untuk dijadikan pedoman atau pengukur nilai akhlak seseorang dari segi perbuatannya, kerana perbuatan mencerminkan sopan. Orang yang sopan tidak malu berbuat sesuatu yang memalukan atau yang mendatangkan kecelakaan. Sebab orang yang sopan adalah orang yang malu. Malu adalah adab dan tata tertib dunia dan agama sejak dari para Rasul-Rasul dan Nabi-Nabi yang terdahulu.

Dalam hadis tadi kita dapati kata perintah iaitu 'Kerjakanlah apa yang engkau kehendaki.' Perintah ini dapat kita bahagikan kepada dua pengertian:—

- * Perintah yang berupa satu ancaman, bukan suruhan. Artinya, jika tidak malu maka kerjakanlah apa saja yang dikehendaki dan Allah akan membalasnya, sepertimana firman Allah yang bererti: "Kerjakanlah apa yang kamu kehendaki, kerana sesungguhnya ia melihat apa yang kamu kerjakan itu." (Surah Fusilat ayat 40). Orang yang tidak mempunyai perasaan malu, segala tegahan tidak bererti baginya.
- * Perintah yang berupa suruhan. Artinya, jika perbuatan yang hendak dikerjakan itu tidak memalukan sesiapa pun

MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadirat Allah dengan tidak sekali-kali mencuai dan melalaikan perintah-perintah-Nya, bahkan sentiasa ingat dan rajin melakukan apa-apa jua yang dilarangnya. Inilah kewajiban terbesar kita orang-orang Islam.

Di dalam negara menempuh berbagai-bagai perkembangan dan perubahan, kita umat Islam patut benar menyiapkan diri dengan sikap sentiasa waspada dan berhati-hati. Kerana perkembangan dan perubahan itu adalah sesuatu yang bergerak pantas, yang mempunyai punca dan akibat-akibat. Salah satu punca perkembangan dan perubahan itu ialah tekanan-tekanan masyarakat yang ingin maju. Tetapi sungguhpun begitu, matlamat orang biasanya berbeza dalam menentukan bentuk kemajuan yang hendak dituju. Sebab itu ada orang mahu maju dalam bidang yang digemarinya sahaja, sementara bidang-bidang yang lain dianggarnya tidak berguna. Lalu ia pun berusaha dan bekerja keras untuk mencapainya dengan apa jua cara asal ia dapat, cara ini kadang-kadang membawa orang tidak lagi terikat kepada baik buruk, kepada nilai-nilai agama dan akhlak yang tinggi, maka jadilah ia orang jahat, musuh kepada kebajikan.

TIDAK DIPATUK BINATANG BISA

Musuh orang-orang Islam telah banyak disebut oleh Quran atau melalui detik-detik sejarah di zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan para sahabat, antaranya Quran menyebut perihal orang-orang kafir dan orang-orang munafik yang sentiasa berusaha memukul orang-orang Islam dari depan dan belakang. Mereka tidak pernah berhenti

Musuh-musuh Islam sentiasa berusaha 'memukul' orang-orang Islam KITA PATUT WASPADA DAN BERHATI-HATI

dalam sepanjang sejarah-sejarah dan atas asas inilah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah mengajar orang-orang beriman bagaimana menghadapi musuh-musuh itu dengan sabdanya yang diriwayatkan oleh As-Syaikhain, Abu Daud dan Ibnu Majah daripada sahabat Abu Hurairah radiallyahu anhu yang ertinya:

"Orang-orang beriman itu tidak dipatuk oleh binatang-binatang bisa dalam satu lubang dua kali."

Hadis terjadi, berpunca dari suatu peristiwa seorang penyair musuh Islam yang bernama Abu 'Izzah. Penyair ini terkenal dengan ketajaman lidahnya mencaci hamun Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan sajak-sajaknya. Suatu hari di dalam Peperangan Badar, ia telah ditawan oleh orang-orang Islam. Sebaik-baik sahaja ia ditawarkan, ia mengadap Rasulullah, merayu agar ia dilepaskan dengan tidak payah membayar tebus, sebab ia orang miskin, lagipun mempunyai ramai tanggjawab keluarga. Ia berjanji jika Rasulullah memperkenankan permintaannya, ia tidak akan mencaci lagi Rasulullah melalui sajak-sajaknya.

Rasulullah telah melepaskan orang ini. Tetapi sebaik-baik sahaja dilepaskan dan ia berada semula di tengah-tengah sahabat dan keluarganya, Abu 'Izzah telah lupa janjinya kepada Rasulullah. Ia mencaci hamun kembali Rasulullah dengan sajak-sajaknya. Sehingga apabila meletus Peperangan Uhud, ia ditawan semula oleh orang-orang Islam. Dan pada kali ini ia mengulangi lagi rayuannya minta lepaskan, tetapi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menjawabnya dengan menerangkan, bahawa orang mukmin tidak akan dipatuk binatang bisa dalam satu lubang dua kali. Artinya Rasulullah menolak permintaan musuh ini berdasarkan kecurangannya tidak menepati janji.

GERAK-GERI MUSUH

Kelakuan dan teknik musuh-musuh Islam itu biasanya tidak jauh berbeza. Tujuannya adalah serupa untuk memperdayakan orang-orang Islam itu. Biar orang Islam rugi, lemah dan menyerah kalah kepada mereka. Jika orang Islam lemah, maka senanglah untuk mereka membuat apa sahaja yang mereka mahu. Termasuklah menyebarkan ilhad dan kufur dan membuat perkara-perkara munkarat yang ditegah oleh Islam.

Dalam hal ini patut benarlah kita orang-orang Islam mengambil contoh dari Rasulullah ini. Jangan cuai dari memerhatikan gerak-geri musuh, berhati-hati dan beringat-ingat selalu. Jangan terpedaya dan keliru dengan helah-helah mereka. Tujuan dan matlamat musuh, mula-mula ialah untuk mengubah cara hidup kita orang-orang Islam, dari akhlak Islam kepada akhlak bukan Islam, dari perangai-perangai Islam kepada perangai-perangai yang bercanggah dengan kelakuan-kelakuan orang Islam. Dari sinilah musuh-musuh itu bertolak untuk merosakkan kita dengan semboyan dan laungan-laungan moden dan tamadun baru yang memikat hati.

Ingatlah, negara kita sudah mulai terdedah kepada pergaulan antarabangsa. Inilah masanya kita lebih berhati-hati lagi. Adalah terpujang kepada kita untuk menapis dan menilai mana-mana yang tidak baik bagi kita. Biasanya kita tidak sama menilai sesuatu itu. Ada orang berpendapat warna hijau cantik, sedang seorang yang lain berkata, warna biru-lah yang lebih cantik.

Jarang orang memperhitungkan nilai-nilai moral dan kesan-kesan sampingannya. Orang hanya tahu ia menarik, bagus dan memuaskan selera. Itu sahaja. Sedang siapa yang membuat persembahan itu, dari mana mereka dan apa kesan-kesan kepada negara, kepada masyarakat muda-mudi, kepada masyarakat majmuk semua itu tidak kita ambil kira dengan serius.

MENARIK MINAT

Sejarah telah memaparkan kepada kita, bahawa apa-apa jua kerosakan dan kacau-bilau itu berpunca dari akhlak yang buruk, dari dosa, dari sikap tidak "bapirawis" dengan Allah Taala. Hal ini seperti tidak "kerasahan" pada mulanya. Tetapi Allah sebenarnya sedikit demi sedikit akan menarik nikmat aman, nikmat sejahtera dan nikmat makmur, dengan menukarnya dengan ketakutan, dengan kesengsaraan melalui kejadian-kejadian jenayah umpamanya penyakit-penyakit, bencana-bencana alam dan lain-lain. Semua ini akan makin bertambah teruk lagi, jika akhlak umat semakin roboh dan buruk. Firman Allah Taala dalam Surah Al-A'raaf ayat 182 yang tafsirnya:

"Orang-orang berdosa yang mendustakan ayat-ayat Allah, akan Kami (Allah) angsur sedikit demi sedikit mereka itu, ke arah kebinasaan, yang mereka tiada mengetahuinya."

Oleh kerana itu wahai kaum Muslimin, sementara masih ada peluang kesempatan, kita gunakan segala pemikiran dan tenaga kita bagi menangkis dan mengelak supaya negara ini tidak akan menjadi gelanggang menerima ciri-ciri dan unsur-unsur murah yang tidak sihat, yang kita bayar dengan harga yang cukup mahal, iaitu dengan keperibadian kita yang tinggi, yang selama ini menjadi ristaan baik orang di mana-mana jua. Mudah-mudahan Allah menyelamatkan kita dari segala munkarat dan mengekalkannya di dalam sejahtera, bahagia dan yang diredai-Nya.

Menuju Keredaan Allah

benar kerana takut menyalahi atau bertentangan dengan amal orang lain yang terang tidak betul menurut pandangan agama. Malu seperti ini bukanlah malu tetapi adalah pengecut yang amat dicela oleh syarak.

Seperti juga malu bertanya dalam perkara ilmu pengetahuan terutama dalam masalah agama, malu seperti ini menjadikan seseorang jahil selama-lamanya dan menyebabkan kekeliruan pengertian dalam agama.

Seseorang yang tidak ada perasaan malu yang dikehendaki oleh agama bererti tidak bersopan, tidak beradab, tidak berbudi pekerti dan tidak mempunyai tata tertib. Agama Islam amat mengutamakan peradaban baik dalam ibadat, dalam pergaulan, dalam masjid mahupun dalam perhimpunan dan dalam segala tempat.

Ketiadaan perasaan malu boleh menyebabkan seseorang tidak lagi mempunyai nilai hidup yang sebenarnya. Kerana apalah erti hidup seandainya seseorang tidak mengagap malu itu satu perasaan yang amat berpengaruh atas dirinya sehingga ia tidak mempunyai lagi rasa malu kepada Allah dan kepada manusia dalam masyarakatnya, padahal malu sebagaimana yang ditekankan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tidak ada melainkan dengan yang baik belaka.

jua, sama ada bagi diri sendiri dan bagi Allah, mahupun bagi manusia kerana perbuatan itu perkara taat atau adab yang baik, maka hendaklah dikerjakan apa yang dikehendaki.

Malu yang terpuji ada dua. Pertama: Malu yang asli, iaitu tabiat dan perangai seseorang sejak dilahirkan ke dunia. Kedua: Malu yang diusahakan melalui pengajaran ketuhanan dengan cara mengenal Allah, menginsafi kebesaran-Nya atau keagungan-Nya dan yakin pada kekuasaan-Nya.

Kedua-dua jenis malu ini adalah baik untuk keselamatan hidup. Dari akhlak yang mulia boleh mencegah kita dari melakukan keburukan dan boleh menguatkan iman kita.

Di antara akhlak Islam yang mulia ialah malu, kerana malu menurut pengajaran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah kebaikan semuanya. Malu adalah dipuji selama malu itu menjadi unsur mencegah dari kejahatan, pendorong jiwa untuk berbuat kebaikan, serta malu itu tidak pula menyebabkan kehilangan hak dan maruah atau kehormatan peribadi.

Malu yang tercela dan tidak dikehendaki ialah malu berkata dan melakukan sesuatu perkara yang benar, padahal tidak ada sebarang halangan untuk yang demikian itu, misalnya seperti malu menyuruh yang baik dan melarang yang jahat, malu berbuat sesuatu yang

Ceramah perniagaan

BANDAR SERI BEGAWAN.

Orang ramai terutama yang berminat di bidang perniagaan adalah dipelawa untuk menghadiri ceramah yang bertajuk 'Perniagaan pada Hari Abad 14 September 1986' jam 8.00 petang bertempat di Pusat Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei anjuran Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERUTUSAN SEMPENA TAHUN BARU HIJRAH 1407

SETIAP PERANCANGAN DAN PERLAKSANAANNYA TIDAK LARI DARI HUKUM ALLAH

ALHAMDULILLAH, kita mengucapkan syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala, selawat dan salam kepada junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan kepada sekalian kaum keluarga, sahabat handai serta para pengikut-pengikut Baginda sehingga hari kemudian.

Alhamdulillah sekali lagi kita membuka lembaran baru tahun Hijrah yang baru 1407 dan menutup muka surat tahun 1406. Sempena pertukaran antara hujung tahun dan awal tahun, maka telah menjadi amalan yang disunatkan kita berdoa memohon ampun daripada Allah Subhanahu Wataala di atas segala keterlanjuran dan penyelewengan serta kealpaan dan sifat taqisir yang kita buat sama ada dengan sengaja atau tidak, akan berazam pada tahun baru ini untuk memperbaiki diri dengan menjalankan suruhan Allah, memohon dijauhkan dari godaan syaitan dan segala kuncu-kuncunya dan memohon pertolongan daripada Allah supaya kita dapat mengelakkan desakan hawa nafsu (Annafsu Ammarah Bissu). Inilah tradisi umat Islam pada menyambut tahun baru.

SIKAP BARU

Pertukaran sesuatu masa yang bersejarah seperti tahun Hijrah memang patut menjadi bahan dan dasar pertimbangan bagi mengambil suatu sikap baru yang lebih baik dan berkesan dalam apa-apa jua perancangan dan yang telah berjalan. Adalah menjadi amalan dalam kehidupan sekarang bagi diadakan sesuatu "review" dalam satu-satu projek atau rancangan di tengah-tengah pelaksanaan projek itu, supaya dengan demikian dapat dikenal pasti mana sudut-sudut yang gagal atau lemah berjalan sehingga tidak boleh atau lambat sampai kepada matlamatnya.

Bagi umat Islam kehidupan yang serba lemah kurang tenaga, menyerah kepada keadaan, tiada inisiatif dan tunduk kepada sebarang kesalahan atau reda menerima keburukan terutama hawa nafsu membiarkan keadaan berlaku adalah bukan sifat dan sikap yang boleh diterima. Syariat Islam tiada membenarkan umat Islam jadi lemah menyerah atau menjadi pak turut. Kerana ini menimbulkan serba-serbi keburukan dan kemungkaran dalam masyarakat Islam dan akan menyebabkan berlakunya keruntuhan akhlak dan kemanusiaan. Sebab itulah di dalam doa akhir tahun dan awal tahun itu kita meminta pertolongan Allah bukan hendak mendapat kekayaan harta benda, pengaruh nama dan politik atau kemajuan lahiriah, tetapi keamanan dan kedamaian di dalam jiwa dan diri.

Sebab itu Allah Subhanahu Wataala dalam surah An-Nisa, ayat 97 hingga 100 berfirman, tafsirnya:

'Sesungguhnya orang-orang yang diambil nyawanya oleh Malaikat semasa mereka sedang menganiaya diri sendiri (kerana enggan berhijrah untuk membela Islam dan rela ditindas oleh kaum kafir musyrik), mereka ditanya oleh Malaikat dengan berkata: "Apakah

yang kamu telah lakukan mengenai agama kamu?" Mereka menjawab: "Kami dahulu, adalah orang-orang yang tertindas di bumi." Malaikat bertanya lagi: "Tidakkah bumi Allah itu luas, yang membolehkan kamu berhijrah dengan bebas padanya?" Maka orang-orang yang sedemikian itu keadaannya, tempat akhir mereka ialah neraka jahanam, dan neraka jahanam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali. Kecuali orang-orang yang lemah (lagi uzur) dari kaum lelaki dan perempuan serta kanak-kanak, yang tidak berdaya upaya mencari helah (untuk melepaskan diri) dan tidak pula mengetahui sesuatu jalan (untuk berhijrah). Maka mereka (yang demikian sifatnya), mudah-mudahan Allah maafkan mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Pemaaf, lagi Maha Pengampun. Dan sesiapa yang berhijrah pada jalan Allah (untuk membela dan menegakkan Islam), nescaya ia akan dapati di muka bumi ini tempat berhijrah yang banyak dan rezeki yang makmur."

TIGA FASA

Dalam perkembangan aqidah dan keperibadian umat Islam, dalam suasana sekarang patut mengkaji tiga fasa penting dalam sejarah perkembangan Islam.

Fasa pertama ialah kehidupan zaman Jahiliyah, fasa kedua ialah kehidupan umat Islam sesudah Nabi Muhammad diutus di Mekah selama kira-kira 13 tahun sebelum peristiwa Hijrah, dan fasa ketiga ialah sesudah umat Islam membangun negara baru di Madinah sesudah hijrah. Kehidupan zaman Jahiliyah dan zaman 13 tahun di Mekah digambarkan dalam kata-kata seorang sahabat ketika bercakap di hadapan Raja Habsyah dalam peristiwa umat Islam berhijrah ke Habsyah sebelum berhijrah ke Madinah; antara lain sahabat itu berkata:

"Kami dalam zaman Jahiliyah adalah satu golongan kaum yang menyembah berhala, memakan bangkai, mengerjakan keburukan, memutuskan tali persaudaraan, menyakiti jiran tetangga, yang kuat memakan yang lemah. Keadaan ini berterusan sehingga Allah mengutus seorang Rasul dalam golongan kami, iaitu seorang yang kami ketahui keturunannya, kebenaran cakapnya, amanahnya dan kesucian peribadinya. Ia menyeru kami kepada mentauhidkan Allah, menyembah-Nya dan meninggalkan apa-apa yang dahulu pernah kami dan bapa-bapa kami sembah seperti batu dan berhala, dia

menyuruh kami bercakap benar, menyampaikan amanah, menghubungkan tali persaudaraan, berbaik-berbaik dengan jiran tetangga menjauhkan diri dari membuat perkara haram dan melarang kami membuat keburukan, bercakap bohong, memakan harta anak yatim, menuduh orang dengan tuduhan palsu, kami diperintahkan menyembah Allah yang Esa. Maka kami telah menyembah Allah tidak mempersekutukan Allah dengan yang lain, dan kami haramkan apa yang diharamkan oleh Allah ke atas kami, kami halalkan apa yang dihalalkan Allah kepada kami. Maka ketika itu kaum kami memusuhi kami, menyiksa dan memfitnah kami supaya kami kembali kepada agama asal kami yang dahulu iaitu menyembah berhala, dan menyuruh kami menghalalkan perkara-perkara buruk dan mungkar. Apabila mereka telah memaksa kami mereka menganiaya dan menyempitkan kehidupan kami dan menghalang kami dari mengerjakan suruhan agama kami maka kami keluar ke negeri Tuanku ini dan kami pilih negara Tuanku dari orang lain, dan kami ingin duduk di bawah perlindungan Tuanku dan berharap kami tidak dianiaya pada masa kami berada di negara Tuanku!"

Kemudian Fasa ketiga ialah Hijrah Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang dianggap sebagai detik bermulanya perjuangan untuk mengubah nasib kehidupan manusia beragama yang bebas dan sempurna ke arah maju ke hadapan. Hijrah Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam itu berlaku di puncak pertentangan antara Rasulullah dengan kaum Quraisy yang merancang untuk membunuh Rasulullah betul-betul pada malam Baginda berhijrah itu.

LANGKAH BERANI

Pengajaran daripada siratan peristiwa sejarah ini adalah:

1. Tiap-tiap perubahan yang sebagaimana baik sekalipun, hatta yang terang kebaikannya, terang benar daripada salah tentu ada juga seorang atau pihak yang sengaja menentangnya, padahal mereka itu tahu akan kebenaran dan kesalahan, semata-mata kerana mengikuti hati dan tidak kerana akal dan kebenaran seperti yang diistilahkan dalam Al-Quran, Surah An-Naml ayat 14, tafsirnya:

"Dan mereka mengingkarinya secara zalim dan sombong angkuh, sedang hati mereka meyakini kebenarannya. Oleh itu, lihatlah bagaimana kesudahan orang-orang yang melakukan kerosakan."

2. Tiap-tiap perubahan yang baik itu memerlukan sikap dan langkah yang berani tetapi teratur dan hati-hati dan ada percubaan-percubaan awal atau seperti istilah orang sekarang "Feasibility Study" dan memerlukan tenaga-tenaga yang penuh terlibat tanpa ragu-ragu untuk mencapai cita-cita. Dalam hal ini "Feasibility Study" bagi hijrah ke Madinah ialah Hijrah awal ke Habsyah dan tenaga yang penuh terlibat antaranya ialah Sayidina Abu Bakar yang sanggup berdamping dengan Nabi dan sanggup menghadapi bahaya seperti disengat binatang buas, dan Sayidina Ali yang tidur di tempat ketiduran Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam menghadapi pakatan bunuh kaum Quraisy.

3. Bahawa setiap rancangan itu walau apa pun kebaikannya memerlukan banyak persediaan bagi menghadapi kemungkinan, bukan hanya setakat persediaan mengharap gigi dengan rahang sahaja. Tidak cukup setakat percaya pada teori tanpa pengetahuan mendalam, atau setakat mengetahui sambil lewa dengan anggapan mudah atau mempermudah.

HUKUM ALLAH

4. Di atas semua ini kita mesti ingati dan percaya bahawa apa pun juga dalam setiap langkah, gerak-geri, perancangan dan perlaksanaannya kita tidak lari dari hukum Allah. Ada banyak rancangan atau perbuatan yang telah kita lihat dilaksanakan dengan cara seperti manusia itu berkuasa sendiri, atau malah sengaja seperti membelakangkan ingatan kepada Allah. Kemungkinan rancangan-rancangan itu berjaya jika Allah memberi istidraj apatah lagi kalau ditaskir oleh iblis syaitan. Tetapi jikalau sesuatu yang mengkesampingkan hukum Allah itu menemui kegagalan maka kegagalan itu akan menimpa diri pembuatnya hingga menjadikannya

TEKS perutusan sempena menyambut awal Muharram 1407 Hijrah oleh Pemangku Pengetua Pegawai Hai Ehwai Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim yang disiarkan melalui radio dan televisyen pada 6 September, 1986.

punah-ranah; seperti yang kita dapat dari contoh hijrah inilah rancangan hendak membunuh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, telah gagal sama sekali walaupun rancangan itu diatur dengan begitu teliti. Ini diterangkan dalam Surah Al-Anfal ayat 30, tafsirnya:

"Dan ingatlah, (wahai Nabi Muhammad), ketika orang-orang kafir musyrik (Mekah) menjalankan tipu daya terhadapmu untuk menahanmu, atau membunuhmu, atau mengusirmu. Mereka menjalankan tipu daya dan Allah menggagalkan tipu daya (mereka), kerana Allah sebaik-baik yang menggagalkan tipu daya."

Peristiwa hijrah tidak akan berulang lagi. Tetapi makna hijrah pada diri manusia, iaitu perpindahan dari sesuatu yang kurang baik kepada yang baik akan tetap berlaku dan dituntut, antaranya seperti maksud hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam riwayat Al-Bukhari, artinya:

"Orang yang (sebenarnya) Islam ialah orang yang selamat dan aman orang Islam yang lain daripada gangguan lidahnya dan tangannya. Dan orang yang (dikatakan) berhijrah ialah orang yang meninggalkan apa sahaja yang dilarang oleh Allah."

DITUNTUT BERHIJRAH

Dalam makna ini kita sebenarnya sentiasa dituntut berhijrah dari kedudukan yang kurang baik kepada tempat yang baik, dari mendapat kemurkaan Allah kepada mendapat keredaan Allah.

Orang-orang yang reda duduk dengan keadaannya berpangku tangan, menyerah atau bergembira dalam kea-

daan itu nescaya mendapati kerugian seperti ayat An-Nuun itu.

Memperingati peristiwa hijrah, di samping itu juga bererti memperingati satu perkembangan politik yang besar iaitu kelahiran suatu bangsa baru di arena antarabangsa pada ketika itu, di bawah pemimpin Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai Nabi dan sebagai kepala negara dengan pusatnya di Madinah Al-Munawwarah. Bangsa baru yang ideologinya berasaskan Islam itu menghadapi kuasa besar yang kuat dan sedia memerangi satu sama lain iaitu Rome dan Greek yang masing-masing berasaskan Christianity dan Sabaiah di samping Iran-Jaz tetangga yang memusuhi iaitu Quraisy Mekah dan golongan Yahudi dalam negeri serta kaum Munajj yang bersifat "petualang" dan "pengambil kesempatan."

Bagi kita di Brunei Darussalam, sebagai negara baru yang kecil maka peristiwa dan makna hijrah adalah sangat sesuai dijadikan kajian, sungguhpun peristiwa ini telah berlaku lebih dari 1400 tahun lamanya. Tetapi ianya adalah suatu "Klassik" dalam sejarah politik antarabangsa yang patut dijadikan "Text book" kepada kita umat Islam kerana percutian zaman dahulu sebenarnya lebih ganas dan akibatnya lebih langgar serta-merta.

Demikianlah serba sedikit mengenai peristiwa Hijrah yang kita ingati pada datangnya tahun Hijrah 1407 ini.

Mudah-mudahan Allah memberkati kita semua. Wallahu Billahit Taufiq. Wal Hidayah. Wassalamu Alaikum Warahmatullah.



NEGERA menyambut awal Muharram pada hari Sabtu 6 September yang lalu. Gambar merakamkan ketika majlis membaca doa akhir tahun 1406 dan awal tahun 1407 Hijrah yang berlangsung di Masjid Omar Ali Saifuddin di ibu negara.



ALMARHUM ketika menghadiri satu upacara negara semasa Almarhum memerintah negara ini.



ALMARHUM diarak dengan kenderaan khas sempena Perpuspaan pada tahun 1951 sebagai Sultan Brunei yang ke-28.

RAKYAT MENGGKAGUMI KEPIMPINAN DAN KETOKOHOAN ALMARHUM

Oleh Mohd Salleh Abdul Latif

ALMARHUM sering berangkat melawat ke daerah-daerah dan kampung-kampung pedalaman bagi meninjau dan memerhatikan lebih dekat lagi kehidupan rakyat.

ALMARHUM Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan, adalah seorang tokoh pemimpin yang dihormati serta disegani oleh pemimpin-pemimpin dunia terutama pemimpin negara anggota ASEAN.

Almarhum mempunyai ramai kawan serta sahabat handai di serata dunia. Almarhum juga dikenali sebagai manusia yang warak dan sasterawan Diraja yang terkenal.

Pemerintahan Jepun

Sewaktu tentera Jepun mendarat di Brunei, Almarhum bekerja di Jabatan Mahkamah. Di waktu inilah undang-undang jenayah dan civil dipelajari dari Penolong British Residen ketika itu yang bernama Awang H. Hughes-Hallett.

Pembelajaran ini didedahkan lagi dengan keberangkatan Almarhum menghadiri pembicaraan satu-satu 'kes' yang diadakan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara ketika itu yang bernama Awang Ibrahim bin Andor.

Pentadbiran hal-ehwal tanah juga dipelajari meskipun kekacauan sedang berlaku, kesan dari peperangan dunia kedua yang masih berkecamuk.



ALMARHUM bertitah ketika memasyhurkan Perlembagaan 1959.

Melawat daerah-daerah

Almarhum ditabalkan menjadi DYTMM Seri Paduka Pengiran Bendahara pada 15 Julai 1947.

Sewaktu menjadi wazir inilah, Almarhum telah mengadakan lawatan-lawatan ke daerah-daerah dan kampung pedalaman bagi meninjau lebih dekat kehidupan rakyat.

Hasil laporan lawatan ini dihadapkan serta disembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ahmad Tajuddin Akazul Khairi Waddien.

Juga dimajukan kepada British Residen bagi kerajaan mengambil tindakan untuk mengatasi masalah-masalah yang berbangkit.

Meskipun Almarhum sibuk dengan tugas harian, tetapi sempat memperdalam ilmu faraidh daripada Khatib Haji Saat bin Juru Apang.

Sultan Brunei ke-28

Duli Yang Maha Mulia Sultan Ahmad Tajuddin Akazul Khairi Waddien mangkat pada 4 Jun, 1950.

Dua hari setelah kemangkatan ini, Almarhum Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien telah dimasyhurkan menjadi Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-28 pada 6 Jun, 1950.

Namun perpuspaan cuma dapat dilaksanakan pada 31 Mei, 1951. Istiadat perpuspaan ini diadakan secara penuh adat kebesaran Diraja.

Kenamaan-Kenamaan hadir

Perpuspaan sebagai Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-28 ini dihadiri oleh pembesar-pembesar dari luar negeri.

Antaranya, Pesuruhjaya Agung bagi Tenggara Asia, Awang Malcolm MacDonald; Pesuruhjaya Tinggi British Negeri Brunei, Sir Anthony Abell dan Gabenor Borneo Utara, Sir Ralph Hone.

PERPUSPAAN Almarhum menjadi Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-28 dilakukan pada 31 Mei 1951.

Di istiadat ini, Almarhum dianugerahi bintang C.M.G.

Ura-ura Perlembagaan Bertulis

Almarhum sentiasa memeduli kepentingan rakyat dan negara kita dalam hal ini maka timbullah ura-ura bagi melahirkan Perlembagaan Bertulis bagi Negeri Brunei.

Syair Perlembagaan Negeri Brunei hasil cipta Almarhum ada menguntai:

*Perlembagaan Brunei nama di tara,
Setelah dicadangkan untuk negara,
Untuk kebajikan rakyat negara,
Memperbaiki nasib derita sengsara.*

Sesuai dengan keputusan Majlis Mashuarat Negeri yang bersidang pada 10 April 1953, maka Almarhum telah mengisytiharkan maksud untuk menggubal sebuah Perlembagaan Bertulis bagi negara kita.

Lantikan jawatankuasa

Jawatankuasa ke arah ini pun dilantik. Mereka ini ditugaskan untuk meninjau pemikiran rakyat serta pandangan mengenai dengan ura-ura Perlembagaan Bertulis yang pertama kali hendak diperkenalkan ke negara ini.

Jawatankuasa itu terdiri dari Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Muda Kahar (sekarang Almarhum); Yang

Lihat muka 8



ALMARHUM ketika mengalu-alukan Duchess of Kent ke negara ini.

PERLEMBAGAAN WUJUD SEWAKTU PEMERINTAHAN ALMARHUM



ALMARHUM menurunkan tandatangan di Upacara Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama antara Negeri Brunei dan United Kingdom 7 Januari 1979 di Lapau.

Dari muka 7

Berhormat Pengiran Md. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim (sekarang Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Md. Yusof); Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Dato Paduka Haji Muhammad Salleh (sekarang Almarhum Pengiran Digadong Sahibul Mal); Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Digadong Haji Awang Mohd. Yusof; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad, Yang Berhormat Pengiran Mohd. Ali bin Pengiran Mohd. Daud (sekarang Yang Amat Mulia Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali) dan Awang Haji Abu Bakar bin Jambul.

Mengenai dengan lawatan jawatankuasa ke kampung-kampung dan daerah-daerah ini, Almarhum merakamkannya dalam Syair Perlembagaan Negeri Brunei dengan madah:



ALMARHUM juga telah berangkat menyaksikan Upacara Perjanjian Kemerdekaan Brunei di London pada bulan Oktober 1978.

*Komiti melawat kampung daerah,
Berjumpa ketua dan anak buah,
Menerangkan maksud cadangan dicurah,
Semuanya setuju tiada membantah.
Semua rakyat menyambut cadangan,
Bersuka hati mendengar rancangan,
Rakyat menghadapkan segala keterangan,
Menyokong cadangan menguatkan rancangan.*

Lawatan ke Tanah Melayu

Bagi mengemaskinikan lagi laporan ini, maka, jawatankuasa ini telah melawat ke Persekutuan Tanah Melayu pada Januari, 1951.

Negeri-negeri yang dilawati ialah Negeri Johor, Selangor, Negeri Sembilan dan Kelantan dengan penekanan untuk meneliti serta memerhati sistem perjalanan perlembagaan negeri-negeri tersebut.

Pada 23 Mac, 1954 laporan jawatankuasa ini disampaikan kepada Almarhum untuk disampaikan kepada Kerajaan.

Merangka Perlembagaan

Awang R.W. Hikling, seorang pakar undang-undang telah dipertanggungjawabkan untuk menyusun rangka Perlembagaan.

Tugas penyusunan itu disambung pula oleh Awang Young yang menggantikan jawatan Awang R.W. Hikling sebagai Penasihat Undang-undang.

Rangka Perlembagaan yang siap itu dihadapkan ke sidang Majlis Mashuarat Negeri dalam mana Pesuruhjaya Tinggi British bagi Negeri Brunei, Sir Anthony Abell menyarankan agar Perlembagaan itu dirundingkan dengan Setiausaha Negara Lord Lennox Boyd (Viscount Boyd) di London.

Almarhum telah mengadakan rundingan secara tidak rasmi pada akhir tahun 1957 dengan Setiausaha negara itu di London bertempat di bilik pejabat beliau sendiri.



ALMARHUM ketika menerima mengadap Ketua tentera luar negeri (atas) dan salah seorang pembesar luar negeri (bawah).



*PERLEMBAGAAN Brunei nama ditara
setelah dicadangkan untuk negara
untuk kebajikan rakyat negara
memperbaiki nasib derita sengsara.*

Berangkat ke London

Awal tahun 1959, usaha untuk melaksanakan Perlembagaan ini tambah dipergiat. Dato Panglima Bukit Gantang Haji Abdul Wahab (Allahyarham) yang bertugas sebagai penasihat Almarhum memainkan peranan, begitu penting.

Pada 14 Mac, 1959, Almarhum berserta dengan 10 orang anggota telah berangkat ke London.

Perundingan berjalan lancar dengan suasana persefahaman. Rundingan selesai, naskah Perlembagaan pun ditandatangani oleh Almarhum bagi pihak rakyat dan penduduk negara kita.

Keberangkatan tiba Almarhum ke tanahair disambut begitu meriah. Rakyat dan penduduk tambah kasih kepada Almarhum.

Almarhum bermadah mengenainya dalam Syair Perlembagaan Negeri Brunei berbunyi:

*Dengan izin Tuhan Yang Esa
Kehendak Allah Yang Maha Kuasa,
Perundingan selesai aman selesai,
Hanya menunggu ketika masa.*

29 September 1959

Lapau di Bandar Brunei menjadi saksi penandatanganan naskah rasmi Perlembagaan Negeri Brunei, 1959 yang merupakan detik bersejarah.

Tanggal itu ialah 29 September 1959 yang tahun berikutnya diwartakan sebagai hari kelepasan awam. Kelepasan awam ini berlanjutan sehingga tahun 1983, dalam mana setelah itu tanggal tersebut tidak lagi diwartakan sebagai hari cuti awam.

Almarhum menandatangani bagi pihak Kerajaan Brunei. Manakala Pesuruhjaya Agung British bagi Tenggara Asia, Sir Robert Scott menandatangani bagi pihak Kerajaan British.

Antara lain, Sir Robert Scott, telah membacakan perutusan dari Baginda Queen Elizabeth:

"Di saat perasmian Perlembagaan Bertulis yang pertama bagi Negeri Brunei ini, Beta sukacita menyampaikan kepada Baginda, Kerajaan dan rakyat Brunei ucapan muhibah dan ucapan selamat yang ikhlas. Beta juga menyatakan harapan Beta agar perjanjian yang ditandatangani hari ini akan mengukuhkan dan mempererat persahabatan yang telah wujud di antara dua buah negara kita".

Selepas itu Almarhum pun bertitah, antara lain:

"Perjanjian yang baru sahaja ditandatangani adalah satu keterangan yang nyata dasar-dasar yang dipegang oleh Kerajaan Seri Baginda Queen hendak menggalakkan dan membesarkan kemajuan Perlembagaan dalam tiap-tiap satu jajahan yang termasuk dalam kawalan dan naungan Seri Baginda Queen. Di masa yang akan datang Kerajaan Brunei akan menikmati aturan berkerajaan sendiri yang luas. Ini adalah dicapai bukan sahaja dengan adanya perantaraan baik dan tulus ikhlas bagi pihak Kerajaan Brunei".

Lihat muka 9



ALMARHUM ketika memahkotakan Perpustakaan bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 1 Ogos 1968.

Dari muka 8

tetapi juga ianya dengan pekerjaan dan perusahaan yang kuat dan nasihat-nasihat yang berharga yang telah diberi oleh ahli-ahli rombongan dan juga adanya buah fikiran yang pakar dari penasihat-penasihat Perlembagaan Beta. Sungguhpun perjanjian ini telah mengubah perhubungan di antara Kerajaan Seri Baginda Queen dan Kerajaan Negeri Brunei, Beta sukacita menegaskan bahawa perasaan rakyat Beta terhadap negeri United Kingdom dan rakyat Seri Baginda Queen tidak akan berubah. Perhubungan yang baik yang tulus ikhlas di antara kedua-dua rakyat kita akan terus berjalan dan sebenar-benarnya akan menjadi lebih teguh. Maka kejayaan Perlembagaan ini dan cepatnya Negeri Brunei dapat mencapai taraf Kerajaan sendiri yang akan bergantung kepada taat setia rakyat kepada Perlembagaan ini. Kepada fikiran politik yang waras kepada perkhidmatan yang tidak terhad, kepada negeri dan kepada perasaan mesra bertolak ansur dan bekerjasama di antara satu dengan lain. Beta percaya yang rakyat Beta dengan izin Allah akan boleh mencapai kehendak-kehendak tersebut ini untuk kemajuan dan meninggikan kebajikan mereka sendiri dan bagi Negeri Brunei Darussalam."

Ugama rasmi

Perhatian Almarhum terhadap ugama Islam tercatat dengan tinta emas. Ugama Islam dijadikan ugama rasmi negara.

Perkembangan ugama Islam begitu ketara. Surau dan masjid dibina di setiap mukim dan daerah. Masjid Omar Ali Saifuddin, lambang kemegahan dan kekukuhan beragama di kalangan rakyat dan penduduk menjadi saksi kemajuan di bidang perkembangan ugama ini.

Lain lagi halnya dengan kewibawaan Jabatan Hal Ehwal Ugama untuk mengembang luaskan ugama Islam ini sebagai cara hidup yang lengkap lagi sempurna.

Kepesatan ini berpunca dari pimpinan Almarhum jua, yang dunia luar cukup mengagumi kearifan Almarhum dalam ugama Islam.

Bahasa rasmi

Kekukuhan serta keunggulan Bahasa Melayu juga diambil perhatian. Bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi negara.

Menerusi perhubungan bahasa ini rakyat dan penduduk negara dapat hidup rukun damai, harmoni dan bahagia. Dewan Bahasa dan Pustaka ditubuhkan bagi mengembang dan mendaulatkan Bahasa Melayu ini.

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ini ditubuhkan atas inisiatif Almarhum tentang betapa perlunya negara kita ini dipertahankan kedaulatannya.

Lalu ditubuhkanlah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada 31 Mei, 1961, yang pada awal penubuhannya dikenali sebagai Pasukan Askar Melayu Brunei.

Ketika negara kita mencapai kemerdekaan yang penuh lagi berdaulat pada 1 Januari, 1984, Almarhum telah diperkenankan memegang jawatan Menteri Pertahanan.

Angkatan pertahanan kita yang dulunya kecil, kini sudah berkembang dan disifatkan sebagai angkatan pertahanan yang mempunyai alat kelengkapan perang yang serba moden. Angkatan pertahanan kita yang sudah mampu malah dapat menyahut angkatan pertahanan negara jiran dari segi ketahanan semangat dan lain-lain lagi.

Labirlah perwira-perwira yang berjaya. Perwira yang setia dan taat terus-menerus kepada warisan pimpinan raja yang berdaulat.

Turun dari takhta

Ketika rakyat dan penduduk negara kita sedang di mercu jaya, menikmati kehidupan yang sejahtera tiba-tiba pada malam 4 Oktober, 1967 melalui Radio Brunei sebuah

ALMARHUM ARKITEK BRUNEI MODEN

BETA dengan sukacita mengatakan dari laila hasrat hati Beta pada mengisytiharkan kepada Kerajaan dan seluruh rakyat ini, dan penduduk Negeri Brunei, bahawa dengan kesukaan Beta sendiri turun dari takhta Singgahsana Kerajaan pada hari Rabu, 1 Rejab 1387 bersamaan 4 Oktober, 1967 adalah tetap dan muktamad, dan sekali-kali tidak boleh ditarik balik.

pengisytiharan penting dalam sejarah Brunei moden telah dibacakan oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat ketika itu yang berbunyi:

"Warkatul Ikhlas Watahafatulejnas, yang terbit dari laila hati, hening bagi jernih yang tidak menaruh syak dan waham daripada Beta Sir Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei memaklumkan kepada seluruh rakyat dan penduduk Negeri Brunei, bahawasanya Beta dengan sukacita mengatakan dari laila hasrat hati Beta pada mengisytiharkan kepada Kerajaan dan seluruh rakyat ini, dan penduduk Negeri Brunei bahawa dengan kesukaan Beta sendiri turun dari takhta Singgahsana Kerajaan pada hari Rabu, 1 Rejab 1387, 4 hari bulan Oktober, 1967 adalah tetap dan muktamad, dan sekali-kali tidak boleh ditarik balik."

Sambutan seluruh rakyat terhadap keputusan Almarhum untuk turun takhta Singgahsana Kerajaan dapat dibayangkan dari titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selepas Baginda dimashhorkan menjadi Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-29 pada 5 Oktober, 1967 yang menitahkan antara lain:

"Sesungguhnya walaupun hati Beta dukacita dan terharu kerana pemashhoran ini, tetapi rasa sedih menyayat di hati



SEMPENA Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984 Almarhum melafazkan kalimat Allahu Akbar.

atas peristiharan turun dari takhta oleh Paduka Ayahanda yang Beta kasihi dan disayangi oleh seluruh lapisan rakyat dan penduduk Negeri Brunei Darussalam yang tercinta ini."

Sasterawan Diraja

Meskipun Almarhum begitu sibuk dengan tugas rasmi negara tetapi Almarhum tetap juga ada masa bagi menulis syair-syair.

Almarhum adalah sasterawan Diraja yang terkenal dalam kebijaksanaannya menulis syair.

Tajuk Rencana PELITA BRUNEI keluaran 2 September, 1970 menekankan bahawa Almarhum ialah seorang Seniman Diraja atau dengan kata-kata yang lain satu-satunya sasterawan Diraja Brunei.

Buku-buku yang dihasilkan oleh Almarhum Sasterawan Diraja ini antaranya Syair Perlembagaan Negeri Brunei, Syair Nasihat, Syair Asli Rajang Hari dan Rampaian Laila Syair.

Walaupun bentuk sastera yang dipilih Almarhum dalam bentuk syair tetapi Almarhum dapat mengolahnya dalam nafas baru yang penuh menggetarkan sukma pembaca serta begitu mempesona.

Kesimpulan

Kita bukan sahaja kehilangan raja yang dikasihi. Kita juga kehilangan sasterawan yang unggul dan dihormati dalam gugusan Nusantara.

Pemerintahan Almarhum selama 17 tahun telah menghasilkan suatu kemajuan yang pesat dan mengagumkan dunia luar terhadap negara kita.

Almarhum dianggap sebagai 'Arkitek Brunei Moden' dan mengakuinya dengan keheningan hati.

Kita meratapi kemangkatan Almarhum. Al-Fatihah.




KEGIATAN-KEGIATAN Almarhum sebagai Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam seperti kelihatan gambar atas dan bawah.






GAMBAR DULI




GAMBAR-GAMBAR yang dirakamkan semasa jenazah Almarhum Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan yang telah selamat dimakamkan di Makam Kubah Diraja lewat petang hari Isnin lepas.

Gambar-Gambar oleh Hj. Sharbini Taha, Pg. Abu Bakar PHO, Pg. Haji Yaakub PMHH dan Pg. Bahar PHO.



AR DI ISTIADAT PERMAKAMAN JENAZAH ALMARHUM KEBAWAH MAHA MULIA) MAULANA PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN





BEBERAPA orang pembesar luar negeri adalah di antara yang turut menyembahkan penghormatan terakhir. Gambar atas kelihatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Duli Yang Maha Mulia Tengku Hajjah Afzan (atas).

SEBAHAGIAN daripada Kerabat-Kerabat Diraja yang berada di sisi jenazah Almarhum (atas kanan). Sebahagian dari orang ramai yang menyembahkan penghormatan terakhir di samping menyembahyangkan jenazah (kanan).

BERBAGAI LAPISAN MASYARAKAT MENYEMBAHKAN PENGHORMATAN TERAKHIR



PEMANGKU Sultan Johor, Tengku Ibrahim Ismail menziarahi jenazah Almarhum (atas). Sementara gambar kanan kelihatan YAB Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad.



Brunei Darussalam dalam kenangan

PADA tahun 1888 iaitu sewaktu Brunei menjadi negara naungan Kerajaan British, secara rasmi Brunei telah menggunakan matawang yang sah dipelakukan di Negeri-Negeri Selat ketika itu.

Kemudian pada tahun 1938, Brunei telah sama-sama menandatangani satu perjanjian bagi pengawalan matawang yang dikeluarkan oleh Lembaga Suruhanjaya Matawang Tanah Melayu.

Lembaga Suruhanjaya Matawang Tanah Melayu dan British Borneo telah memperkenalkan

pada tahun 1952 sebagai ganti kepada Lembaga Suruhanjaya Matawang Tanah Melayu.

Tetapi Brunei telah berusaha untuk mengeluarkan matawang sendiri pada tahun 1959 sebaik-baik sahaja kita mempunyai Perlembagaan 1959. Hanya pada tahun 1967, kita berjaya memperkenalkan matawang kita sendiri. Pada waktu itu kadar nilai \$1.00 matawang Brunei telah ditetapkan sebanyak 2 syiling dan 4 pence. Matawang kita waktu itu sah dipelakukan di Singapura dan juga Malaysia, hinggalah ketika ini.

Toleh pandang Pelita Brunei

PELITA BRUNEI keluaran 15 Disember 1967 merakamkan tentang pemalangan 1,508 karung baja kepada peladang-peladang tanahair bagi menyahut aman kerajaan dalam rancangan bantuan baja padi yang diumumkan Ogos lepas.

Hanya peladang-peladang yang mempunyai sawah padi yang terdapat tali air dan puny diberikan baja tersebut.

Kira-kira 1,121 gantang benih padi yang boleh mengeluarkan hasil yang banyak telah diberikan kepada peladang-peladang bagi menambahkan lagi bekalan benih padi jenis IR8. Padi Malinja dan Masuri sedang ditanam uji di Pusat Pertanian Kilanas, Lumapas dan Luahan.

Hingga kini tidak terdapat sebarang gangguan atau penyakit terhadap padi.

200 orang hadir seminar rekabentuk

KADONG. — Kira-kira 200 orang menghadiri seminar rekabentuk masalah yang berkaitan dengan rekabentuk dan pembinaan jamuan yang diadakan di Kadong Village di sini minggu lalu.

Seminar itu dianjurkan bersama oleh Unit Latihan Jabatan Kerja Raya dan

gabungan pakar perunding. Seminar sehari itu diketuai oleh Tan Sri Datuk Profesor Chin Fung Kee, Pengetua Jurutera Perunding Asia Tenggara. Seminar itu diadakan bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan teknikal dalam bidang asas pemborongan, kejuruteraan dan jurutera jabatan.

PEMILIHAN calon ketua kampung bagi Kampong Mumong telah dilangsungkan di Dewan Raya Jabatan Daerah Belait di sini pada hari Jumaat 29 Ogos yang lepas.

Lebih 50 orang penduduk kampung telah menghadiri pencalonan tersebut.

Majlis tersebut telah dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Puasa bin OKSP Tudin.

Gambar atas memperlihatkan ketika Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Puasa bin OKSP Tudin (membelakangi kamera) ketika menyampaikan ucapan alu-aluan. Tusut hadir ialah Penghulu Mukim Kuala Belait, Pengiran Haji Mohd. Said bin Pengiran Ahmad di kanan Pegawai Daerah. — Gambar oleh Pengiran Bahar PHO.

Sementara itu pencalonan bagi Ketua Kampong Pandan juga telah dilangsungkan di tempat yang sama pada hari Jumaat 22 Ogos yang lalu.



PARA pemenang yang terdiri dari johan qari Ak. Salim, naib johan qari Awang Saini dan ketiga Ak. Ismail semantara dalam bahagian johan qariah ialah Dk. Faridah, naib johan, Dayang Nani dan ketiga Dayang Zubaidah. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

Harga barang-barang keperluan

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang didapati dijual dengan harga yang lebih rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang-barang yang berikut di bawah ini bermula pada 3 September, 1986.

BANDAR SERI BEGAWAN

1. KACANG HIJAU (1 kati 80 sen):

1. Kedai Leong Soom Huat, No. 28, Jalan Sultan.
2. Kedai Kim Seng Choon, No. 6, Jalan McArthur.

2. PUSU KERING (1 kati \$5.00):

1. Kim Seng Choon, No. 6, Jalan McArthur.

3. BAWANG PUTIH (1 kati \$1.00):

1. Kedai Liong Chuan, Jalan McArthur.

4. HALIA (1 kati \$1.80):

1. Kedai Soom Huat, No. 28, Jalan Sultan.

SERIA

1. KACANG HIJAU (1 kati \$1.00):

1. Yick Fatt, Lot 2660, Jalan Sultan Omar Ali.

2. PUSU KERING (1 kati \$7.00):

1. Sim Fatt Hin, No. 74, Jalan Bunga Kenanga.

3. BAWANG PUTIH (1 kati \$3.00):

1. Sim Fatt Hin, No. 74, Jalan Bunga Kenanga.

2. Hudson Co.

No. 9, Jalan Sultan Omar Ali.

4. HALIA (1 kati \$2.00):

1. Soon Kheng, No. 25, Jalan Bunga Kuning.
2. Haji C. A. Muhammad, No. 51, Jalan Bunga Kuning.

KUALA BELAIT

1. KACANG HIJAU (1 kati \$1.00):

1. Yick Yuan, No. 3, Jalan Pretty.
2. Syarikat M. Haji, Chinese Chamber of Commerce.

2. PUSU KERING (1 kati \$7.00):

1. Syarikat M. Haji, Chinese Chamber of Commerce.
2. Chop Yee Seng, No. 46, Jalan Pretty.

3. BAWANG PUTIH (1 kati \$2.00):

1. Chop Haw Min, Chinese Chamber of Commerce.
2. Chop Yee Seng, 46, Jalan Pretty.

4. HALIA (1 kati \$2.00):

1. Chop Yee Seng, 64, Jalan Pretty.
2. Yua Seng Trading, 84, Jalan Bunga Raya.

KURANG DIDIKAN UGAMA FAKTOR UTAMA KERUNTUHAN MORAL PELAJAR

Oleh: Bolhassan Haji Abu Bakar

KUALA BELAIT. — Awang Umar bin Haji Ahai menegaskan kurangnya didikan agama dan pengaruh-pengaruh kebudayaan barat yang tidak sihat seperti ketagih dadah, mengedar dadah, ponteng sekolah dan kelakuan tidak senonoh adalah faktor utama keruntuhan moral.

Penolong Pengarah Pelajaran, Bahagian Pelajaran Rendah, Awang Umar yang jadi tetamu kehormat menekankan agar gejala yang negatif ini dibasmi sebelum merebak di kalangan pelajar-pelajar. Langkah ini perlu diambil bagi kepentingan generasi muda dalam mewujudkan satu bangsa yang bermaruah dan dihormati.

Hal ini beliau tegaskan dalam Peraduan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran peringkat negara bagi sekolah-

sekolah menengah dan maktab-maktab kali kedua. Peraduan ini dilancarkan di Dewan Sekolah Menengah Perdana Wazir di sini pada 31 Ogos lepas.

Al-Quran Pembentuk Akhlak Manusia adalah tema peraduan. Akhlak bererti budi pekerti meliputi sifat benar, sabar, menunaikan janji, penyantun, belas kasihan dan lain-lain sifat yang terpuji.

Peraduan ini bertujuan untuk menggalak dan mendorong serta menyuburkan bakat pelajar-pelajar dalam pembacaan Al-Quran.

Seramai 14 orang peserta mewakili tujuh zon menyertai peraduan ini. Johan qari telah disandang oleh Ak. Salim bin Pengiran Hj. Amin dari Maktab S.O.A.S. iaitu peserta dari zon satu. Ak. Salim memperolehi markah 77 peratus diikuti oleh Awang Saini bin Haji Metusin, 75 peratus, dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, tempat ketiga ialah Ak. Ismail bin Pg. Hj. Aliuddin, 71 peratus, dari Sekolah Menengah Berakas.

Wakil dari zon ketiga, Sekolah Menengah Berakas iaitu Dk. Faridah binti Pg. Haji. Aliuddin telah menjadi johan qariah dengan markah 80 peratus. Dayang Nani Azizah binti Mohd. Ali, 78 peratus, dari Sekolah Menengah Sufri Bolkliah menjadi naib johan. Manakala wakil dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Dayang Zubaidah binti Haji Bungsu dengan markah 76 peratus di tempat ketiga.

Peraduan ini adalah merupakan projek tahunan Jabatan Pelajaran Bahagian Kegiatan Luar, Unit Rohani. Tahun lepas peraduan ini telah diadakan di Sekolah Menengah Sufri Bolkliah, Tutong.

Borang pendaftaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam memaklumkan kepada kaum Muslimin dan Muslimat negara ini yang berhajat untuk menunaikan fardu haji bagi musim haji tahun 1987/1407, bahawa borang-borang pendaftaran menunaikan fardu haji bagi tahun tersebut boleh diperolehi di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan dan di Pejabat-Pejabatn Hal Ehwal Ugama Daerah Belait, Tutong dan Temburong mulai pada hari Isnin 8 September 1986 pada waktu-waktu pejabat dibuka.

Mengenai dengan tarikh permulaan penerimaan pendaftaran akan diumumkan kemudian.



ROYAL BRUNEI

JIKA AWDA SUKA MENGEMBARA



Berkhidmatlah sebagai Pramugara/ Pramugari dengan Diraja Brunei

KELAYAKAN

- a) Awda mestilah rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam.
- b) Berumur di antara 18 hingga 27 tahun.
- c) Kelulusan pelajaran sehingga tingkatan 5.
- d) Mempunyai perwatakan yang baik, peribadi yang baik dan sekurang-kurangnya setinggi 5' 1" (bagi perempuan) dan 5' 5" (bagi lelaki).

- e) Mempunyai kesihatan dan penglihatan yang baik.
- f) Boleh bertutur bahasa Melayu dan Inggeris berkebolehan bertutur dalam bahasa lain juga berfaedah.

FAEDAH-FAEDAHNYA

Setelah tamat latihan intensif, awda akan menerima pendapatan sehingga \$1,000 sebulan. Awda akan mendapat cuti 18 hari (hari berkerja) setahun dengan tiket percuma ke destinasi-destinasi Diraja Brunei dan tambang istimewa bila-bila masa dengan Diraja Brunei dan juga syarikat-syarikat penerbangan yang lain.

Mereka yang berminat dalam kerjaya ini bolehlah datang untuk ditemuduga oleh pegawai pengam pada hari dan tempat di bawah ini :

- A) Business Centre RBA Plaza, Bandar Seri Begawan pada 19 Sept, 1986 di antara pukul 8.30 pagi—12.00 tengah hari dan 1.30 petang—4.30 petang.
- B) Pejabat Penerbangan Diraja Brunei Bangunan Hongkong & Shanghai Bank Chamber, Kuala Belait pada 18 Sept, 1986 di antara pukul 9.00 pagi—12.00 tengah hari dan 1.30 petang—4.30 petang.

Untuk keterangan lanjut awda bolehlah berhubung dengan Penerbangan Diraja Brunei pada waktu masa bekerja melalui telefon 02-40500 sambungan 203, 207 atau 208.

PERHATIAN : Mereka yang telah datang pada pengambilan yang lalu tidak perlu menghadiri lagi.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

JURUPULIH PERTUTURAN
(Bilangan Kod: 062 07 - 650)

(Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan)

Tanggungjawab: M. 7-8 EB. 9 — \$1310-2315 sebulan.

M. 11 — \$1920-\$3250 sebulan

- a) Diploma atau Ijazah dalam bidang Jurupulih Bertutur atau kelulusan yang sebanding dengannya.
b) Mempunyai sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman bekerja di Hospital setelah mendapat Ijazah atau Diploma.

c) Biasa menggunakan alat pandang dengar dan alat pelatih-dengar adalah diperlukan.

d) Fasih bercakap dalam Bahasa Melayu.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

- a) Menilai dan merancang rawatan penulisan bagi pesakit-pesakit yang mengalami cacat percakapan disebabkan pitam, kecederaan di kepala dan penyakit di dalam petisuara.
b) Rawatan pemulihan bagi kanak-kanak yang tidak betul bercakap atau berbahasa terutamanya bagi mereka yang cacat otak atau anggota.

c) Jurupulih bertutur akan ditugaskan di Bahagian Telinga, Hidung dan Kerongkong dan di bawah arahan Pakar THK di Hospital ini.

2. PEGAWAI PERIKANAN:
(Bilangan Kod: 036 05-19)
(Di Jabatan Perikanan, Kementerian Pembangunan)

Tanggungjawab: B. 2 EB. 3 — \$2270-\$4240 sebulan.

Kelayakan:

a) Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Jurusan Ilmu Hayat (biologi) atau kelulusan dan bidang yang sebanding dengannya.

b) Mempunyai pengalaman dalam penyelidikan dan pengurusan ecosystems aquatic tropika dan pencemaran aquatic.

c) Boleh menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu dan Inggeris adalah merupakan satu kelebihan.

d) Mempunyai kelulusan post graduate yang bersesuaian adalah diutamakan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

Merancang dan melaksanakan projek-projek penyelidikan dan perkembangan dalam aquatic dan sistem persekitaran yang berkenaan menurut pandangan di segi perikanan dengan tujuan untuk mewujudkan dan menggalakkan langkah-langkah pengurusan yang bersesuaian. Pemohon-pemohon juga akan terlibat dalam bidang-bidang seperti terumbu karang, bakau, air merah (red tides) dan pencemaran aquatic. Pengawasan kakitangan bawahannya adalah juga sebahagian dari tugasnya.

Syarat-syarat Lantikan:

Pemohon-pemohon yang berjaya akan dilantik secara berkontinuiti selama 3 tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25% daripada gaji setelah genap menamatkan kontrak.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam. Pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah genap menamatkan tempoh percubaan.

Am: Pemohon-pemohon yang berjaya bagi jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan mereka kepada Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Tarikh tutup: 25 Oktober, 1986.

Bil. Pendaftaran: 105/1986.

(E/976/82)

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN TELEKOM

BILANGAN RANCANGAN P4E0012/85

1. TAWARAN-tawaran adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon K.E.A. atau B yang berdaftar dengan Jabatan Telekom.

2. Tawaran-tawaran ini ialah bagi pemasangan/pembinaan Footway Joint Boxes/Pengalihan Parit-Parit, Menanam Batang-Batang Paip, Menanam dan Menarik Kabel Bawah Tanah yang berukuran, Mendirikan tiang-tiang Pembahagian dan memasang kabel atas.

3. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 22 September, 1986.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat biasa dan hendaklah bertutup bertanda: "Muara Lama — Kabinet 9 Pembahagian Talian."

5. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut boleh diperoleh dari opis Pengarah Telekom, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dengan cagaran. tawaran \$300.00 yang akan dikembalikan kepada setiap tawaran yang tidak berjaya. Cagaran tawaran akan menjadi milik Kerajaan bagi Pemohon yang gagal menghantar sebarang tawaran.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang temurah atau sebarang tawaran.

7. Perbincangan bersama dengan wakil Pengarah di tempat pemasangan/pembinaan adalah satu syarat yang dimestikan bagi tawaran dan bakal pemohon-pemohon pada jam 10.00 pagi hari Rabu 10 September, 1986 di Ibu-sawat Telefon Muara Baru (Kampung Salar). Tawaran-tawaran tidak akan diterima dari pemohon-pemohon yang tidak hadir bagi perbincangan bersama tempat pemasangan/pembinaan.

PEMBERITAHUAN TAWARAN

JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN KECIL

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan dan tawaran-tawaran yang berkenaan bolehlah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Kecil, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan yang terletak di luar bilik Setiausaha Tetap Kementerian Pelajaran dan Kesihatan tidak lewat dari jam 3.00 petang pada hari Rabu 17 September, 1986.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup ke alamat di atas dan ditu is dengan nama tawaran yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemohon.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan keterangan-keterangan lanjut bolehlah diperoleh dari Bahagian Akaun, Ibu Pejabat Perubatan dan Kesihatan, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam semasa waktu-waktu bekerja.

5. Cagaran tawaran adalah sebanyak \$100.00 bagi tiap-tiap satu tawaran.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain keterangan.

Bil. Tawaran	Keterangan
DMS/53/86	Membekal, menghantar, memasang dan komisen "6 units three channel neonatal monitor for ECC respiration and dual temperature"
DMS/54/86	Membekal, menghantar, memasang dan komisen "single channel neonatal ECG monitor"
DMS/55/86	Membekal, menghantar, memasang dan komisen "2 units coulter kaemoglobinometer for photometric measurement of haemoglobin concentration"
DMS/56/86	Membekal, menghantar, memasang dan komisen "4 units fisher differential counter"
DMS/57/86	Membekal, menghantar, memasang dan komisen "one unit bilirubinometer"
DMS/58/86	Membekal, menghantar, memasang dan komisen "4 units Immunofuge blood bank centrifuge"
DMS/59/86	Membekal, memasang dan komisen "one unit discussion tube"
DMS/60/86	Membekal, menghantar, memasang dan komisen "3 units haemo-w coulter analyzer"
DMS/61/86	Membekal, menghantar, memasang dan komisen "3 units UV/VIS spectrophotometer"
DMS/62/86	Membekal, menghantar, memasang dan komisen "1 unit coulter S-Plus with QC Data Terminal"
DMS/63/86	Membekal, menghantar, memasang dan komisen "2 units medicus air bed"
DMS/64/86	Membekal, menghantar, memasang dan komisen "2 units coulter dual diluter"

JABATAN PENERBANGAN AWAM

KEMENTERIAN PERHUBUNGAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. TAWARAN-tawaran adalah dipelawa bagi membekal 'JACKFIELD ASSEMBLIES ETC.'
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup, ditu is dengan

TAWARAN BAGI MEMBEKAL

'JACKFIELD ASSEMBLIES ETC.'

BAGI JABATAN PENERBANGAN AWAM

Bilangan Tawaran: JPA/AT/86/7

tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong, dan ditujukan kepada:

Pengerusi, Lembaga Tawaran, Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat jam 12.00 tengah hari pada hari Isnin, 15 September, 1986.

3. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Pejabat Pengarah Penerbangan Awam Tingkat 4, Bangunan Operen, Lapangan Terbang Antarabangsa, Brunei Darussalam dengan cagaran \$100.00.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

PEMBERITAHUAN TAWARAN

JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran di tingkat empat, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, Isnin 21 September, 1986 bagi membekalkan perkara di bawah kepada Jabatan Perubatan dan Kesihatan:—

DMS/AC/10/86 KONTRAK BAGI KERJA-KERJA PEMELIHARAAN DAN RAWATAN BANGUNAN BAGI TEMPOH SATU TAHUN.

DMS/AC/11/86 TAWARAN UNTUK ALAT-ALAT GANTI H.P. EQUIPMENT DAN KONTRAK BAGI PEMELIHARAAN-nya.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup bertanda dengan nama tawaran berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemohon.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperoleh dari Bahagian Akaun, Ibu Pejabat Perubatan dan Kesihatan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Cagaran tawaran adalah sebanyak \$200.00 (wang tunai). Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BIL: JKR 308 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: AD419/3301
MESS KAKITANGAN KERAJAAN DI PADANG PERMAINAN GOLF PANTAI MENTIRI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 25 September, 1986.

Tarikh tutup: 29 September, 1986.

Cagaran tawaran: \$5,000.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 309 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: AD511/0102
BANGUNAN IBUSAWAT TELEKOM DI GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 25 September, 1986.

Tarikh tutup: 29 September, 1986.

Cagaran tawaran: \$1,000.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 310 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: AD414/0803
PEMBINAAN DUA (2) BLOK (12 UNIT 1 BLOK) RUMAH PANGSA KELAS 'E' DAN KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DENGANNYA DI KAMPONG BERIBI, GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 11 September, 1986.

Tarikh tutup: 15 September, 1986.

Cagaran tawaran: \$1,000.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 311 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/00947
PEMBINAAN ATAP BUMBUNG BAGI BANGUNAN 5 BLOK RUMAH PANGSA KELAS 'B' DI JALAN MALABAU BAHARU, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 11 September, 1986.

Tarikh tutup: 15 September, 1986.

Cagaran tawaran: \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 312 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AR/11201
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BATU KUARI GRANIT KE PADANG PERMAINAN GOLF PANTAI MENTIRI, BATU 11, JALAN KOTA BATU, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 11 September, 1986.

Tarikh tutup: 15 September, 1986.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: JKR 313 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD426/2301
PEMASANGAN LEMPAH KAWAT CADANGAN KOMPLEKS PENTADBIRAN BANTUAN, PENANJONG, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 25 September, 1986.

Tarikh tutup: 29 September, 1986.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 314 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/PEL034
MEMBUAT DAN MEMASANG PAGAR KESELAMATAN BAGI SEKOLAH RENDAH DANAU, SE-

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

(a) Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan).

(b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan).

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh dilihat dan diperoleh di Jabatan Kerja Raya, di Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

KOLAH RENDAH PENANJONG, SEKOLAH RENDAH TUMPUAN TELISAI DAN SEKOLAH RENDAH P. M. MAHKOTA, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 13 September, 1986.

Tarikh tutup: 17 September, 1986.

Cagaran tawaran: \$100.00.

BIL: JKR 315 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/PEL062
MEMBUAT DAN MEMASANG PAGAR KESELAMATAN BAGI SEKOLAH RENDAH JERUDONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 13 September, 1986.

Tarikh tutup: 17 September, 1986.

Cagaran tawaran: \$100.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 316 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/PEL033
MEMBUAT DAN MEMASANG PAGAR KESELAMATAN BAGI SEKOLAH RENDAH MUDA HASIM, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 13 September, 1986.

Tarikh tutup: 17 September, 1986.

Cagaran tawaran: \$100.00.

BIL: JKR 317 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD418/0301
PERSEDIAAN TAPAK DAN KERJA-KERJA TANAH BAGI PASAR GADONG, PERINGKAT II, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 18 September, 1986.

Tarikh tutup: 22 September, 1986.

Cagaran tawaran: \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 318 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal untuk:

PROJEK No.: 86AW/03200
MEMBEKALKAN PAIP AIR, ALAT-ALAT PENYAMBUNG DAN PERKAKAS KHAS BAGI PROJEK MEMBEKALKAN AIR BRUNEI—1987, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 20 September, 1986.

Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 2 Oktober, 1986.

Tarikh tutup: 6 Oktober, 1986.

Cagaran tawaran: \$1,000.00.

BIL: JKR 319 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AR507/1401
PEMBINAAN SISTEM PARIT BAGI CADANGAN JALAN PENGHUBUNG PERUSAHAAN GADONG, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 20 September, 1986.

Tarikh tutup: 24 September, 1986.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 320 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/009107
MEMBEKALKAN DAN MEMASANG 6'-0" TINGGI PAGAR DAN PINTU KESELAMATAN DI KAWASAN PERUMAHAN MARINE, MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 20 September, 1986.

Tarikh tutup: 24 September, 1986.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 321 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/JUB018
PEMBINAAN LANTAI KONKRIT BAGI PERUMAHAN GURU-GURU UGAMA KAMPONG MENUNGGOL, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 20 September, 1986.

Tarikh tutup: 24 September, 1986.

Cagaran tawaran: \$100.00.

BIL: JKR 322 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/009111
MEMPERBAIKI SISTEM SALURAN PAIP DI RUMAH PANGSA SENTOSA (43 UNIT) PWD No.: 61, BUKIT SALILAH, JALAN SIMPANG BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 20 September, 1986.

Tarikh tutup: 24 September, 1986.

Cagaran tawaran: \$100.00.

BIL: JKR 323 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/PEL029
MEMBUAT DAN MEMASANG PAGAR KESELAMATAN BAGI SEKOLAH RENDAH NAR MENUNGGOL, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 20 September, 1986.

Tarikh tutup: 24 September, 1986.

Cagaran tawaran: \$100.00.

BIL: JKR 324 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/00100
MEMBUAT DAN MEMBEKAL 6 SET PERABUT KELAS III UNTUK:

- 2 UNIT PERUMAHAN KELAS F UNTUK GURU-GURU SEKOLAH RENDAH AMO, TEMBURONG
- 1 UNIT PERUMAHAN KELAS F UNTUK BIDAN KERAJAAN KAMPONG KENIA, TEMBURONG
- 1 UNIT PERUMAHAN KELAS F UNTUK BIDAN KERAJAAN KAMPONG LABU ES, TATE, TEMBURONG
- 2 UNIT BARIK-BARIK UNTUK KAKI TANGAN PEKAWAI DAERAH TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 20 September, 1986.

Tarikh tutup: 24 September, 1986.

Cagaran tawaran: \$100.00 + \$100.00 (lukisan).

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah di-
pelawa daripada pemohon-
mohon yang terdiri dari
Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam untuk memenuhi
keperluan jawatan kosong yang
terdapat dalam Perkhidmatan-
Perkhidmatan Kerajaan,
Negara Brunei Darussalam.

**PEMANDU
TINGKAT II:**
(Bilangan Kod: 108 98
— 504)
(Di Kementerian Per-
hubungan)

Tanggagaji: F. 3-4 EB. 5
\$550-\$700 sebulan.

PEMANDU:
(Bilangan Kod: 036 98
— 505)

(Di Jabatan Perikanan,
Kementerian Pemba-
ngunan)

Tanggagaji: F. 3-4-5 EB. 6
\$550-\$790 sebulan.

Kelayakan:

Berumur di antara 20 hi-
ngga 40 tahun dan telah
mendapat pengetahuan dalam Bahasa
Melayu.

Mereka mestilah pema-
nu-pemandu yang berpe-
ngalaman dan mempunyai
kemampuan Kelas 3
yang sah serta tidak per-
nah di dakwa kerana ke-
salahan-kesalahan memandu
dan boleh memperbaiki
kerusakan-kerusakan kecil.
Mempunyai lesen memandu
Kelas 5 dan Kelas 11
(sebelas) dan mempunyai
pengalaman memandu se-
macam jenis kenderaan ada-
lah merupakan satu ke-
lebihan.

PENJAGA:
(Bilangan Kod: 098 58
— 939)

(Di Jabatan Kebajikan,
Belia dan Sukan, Ke-
menterian Kebudayaan,
Belia dan Sukan)

PENJAGA:
(Bilangan Kod: 036 58
— 939)

(Di Jabatan Perikanan,
Kementerian Pemba-
ngunan)

iii) **PENJAGA MALAM:**
(Bilangan Kod: 036 58
— 941)

(Di Jabatan Perikanan,
